

Bab 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan ringkasan kajian penggunaan ayat majmuk dalam editorial akhbar *Sin Chew Daily* secara keseluruhan. Seterusnya, pengkaji akan mencadangkan kajian lanjutan yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan corak dan keadaan penggunaan ayat majmuk dalam editorial *Sin Chew Daily*.

5.2 Dapatan Kajian

Kajian ini dibuat untuk melihat penggunaan ayat majmuk dan kesalahan bahasa khususnya tentang ayat majmuk yang wujud dalam editorial *Sin Chew Daily*. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa kekerapan penggunaan ayat majmuk adalah lebih tinggi daripada penggunaan ayat tunggal. Kajian ini telah membahagikan ayat majmuk kepada ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks. Ayat majmuk ringkas telah dikumpulkan dan dikategorikan kepada sepuluh jenis iaitu jenis setara, pilihan, berterusan, menaik, peralihan, anggapan, syarat, sebab akibat, bertujuan dan keterangan. Ayat majmuk kompleks pula dapat dikategorikan kepada empat jenis, iaitu dua lapis, tiga lapis, empat lapis dan lima lapis.

Keputusan analisis yang menjawab soalan kajian 1 adalah seperti berikut:

- a. Secara keseluruhannya, penulis editorial lebih cenderung menggunakan ayat majmuk selapis iaitu ayat majmuk ringkas jika dibandingkan dengan ayat majmuk dua lapis, tiga lapis, empat lapis dan lima lapis. Penggunaan ayat majmuk selapis sebanyak 49.4%. Peratusan ini menunjukkan hampir separuh

daripada jumlah ayat majmuk terkumpul (328 deretan) terdiri daripada ayat majmuk selapis.

- b. Ayat majmuk ringkas jenis sebab akibat merupakan jenis ayat majmuk yang mempunyai kekerapan penggunaan yang tertinggi (29.0%), manakala ayat majmuk ringkas jenis pilihan merupakan ayat majmuk ringkas yang mencatat kekerapan penggunaan yang paling rendah (0.6%).
- c. Ayat majmuk jenis dua lapis merupakan kekerapan penggunaan yang tertinggi antara ayat majmuk kompleks, jumlah peratusan ayat tersebut ialah 60.8%. Manakala ayat majmuk jenis lima lapis merupakan kekerapan penggunaan yang terendah antara ayat majmuk kompleks, iaitu 1.8%.

Di bahagian analisis kesalahan bahasa pula, didapati kesalahan bahasa ayat majmuk boleh dikategorikan kepada tiga jenis yang utama, iaitu kekurangan hubungan erat antara klausa (5.9%), kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat (5.9%), serta kesalahan penggunaan kata hubung (88.2%).

Keputusan analisis yang menjawab soalan 2 adalah seperti berikut:

- a. Kesalahan penggunaan kata hubung merupakan kekerapan yang paling tinggi (88.2%) dilakukan oleh penulis editorial.
- b. Ayat majmuk ringkas tidak mempunyai kesalahan bahasa dari segi kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat. Di samping itu

kekerapan berlaku kesalahan hubungan erat antara klausa juga adalah rendah (3.9%).

- c. Ayat majmuk kompleks (62.7%) pula mengandungi lebih banyak kesalahan jika dibanding dengan ayat majmuk ringkas (37.3%). Ayat majmuk kompleks mempunyai jenis kesalahan kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat. Ini kerana ayat majmuk bercorak berlapis-lapis dan mempunyai struktur pembentukan yang rumit.
- d. Ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks masing-masing mempunyai kekerapan kesalahan yang tinggi dari segi penggunaan kata hubung, iaitu 33.3% dan 54.9%.

Dalam hubungan dengan jenis-jenis kesilapan ini, satu hal yang menarik perhatian pengkaji ialah penggunaan kata hubung. Kata hubung merupakan simbol yang penting dalam struktur ayat majmuk seperti yang telah dinyatakan dalam bab yang lepas. Memandangkan kekerapan kesalahan jenis penggunaan kata hubung adalah lebih tinggi, maka adalah wajar penulis lebih berhati-hati semasa memilih kata hubung yang bersesuaian agar dapat mengelakkan daripada melakukan kesalahan. Hal ini demikian kerana kata hubung yang diungkapkan dengan betul dan tepat dapat mempertautkan idea dan pemikiran dengan jelas, logik dan berkesinambungan. Maka, penggunaan kata hubung yang betul harus diberi perhatian kerana kesalahan penggunaan kata hubung akan menyebabkan ayat yang dibina itu menjadi tidak gramatis.

Kesalahan tatabahasa dalam akbar merupakan satu kes yang perlu diperhatikan kerana kesalahan tersebut akan mempengaruhi pembaca terutamanya para pelajar yang digalakkan memupuk semangat membaca melalui surat akbar.

Mohammah Haron dalam kajiannya yang bertajuk “*Satu Tinjauan Mengenai Kegemaran Membaca di Kalangan Murid-murid di sebuah Sekolah Menengah di Bandar Tampin*” telah membuktikan bahawa selain daripada buku teks dan buku rujukan, akhbar ialah bahan bacaan yang paling disukai oleh murid-murid. Kajian ini dijalankan ke atas 400 orang murid yang dipilih secara lambang yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Daripada hasil kajian tersebut, didapati bahawa jumlah peratusan murid yang memilih akhbar sebagai bahan bacaan ialah 56.8%, buku 28.7%, majalah 6.9% dan komik 3.5%. (Mohammah Haron ,1982:101). Tambahan pula, membaca akhbar merupakan satu aktiviti yang digalakkan oleh pihak sekolah. Ini kerena membaca akhbar membolehkan murid-murid mengikuti perkembangan masyarakat dan kemajuan dunia moden. Ini telah menunjukkan kepentingan peranan akhbar. Justeru, tatabahasa dalam penulisan akhbar perlu diperhatikan demi tidak mencacatkan bahasa pembaca. Apatah lagi editorial merupakan satu bentuk penulisan yang amat penting dalam akhbar. Jadi, aspek penggunaan tatabahasa yang betul perlu ditekankan di sini.

Kajian Adnan Khamis (1980:99) yang bertajuk “*Pertalian Antara Sikap Pelajar Terhadap Mata pelajaran Tertentu dan Pencapaian Dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan*” juga telah mengatakan bahawa “… selain daripada buku-buku teks dan rujukan, maka membaca akhbar dan majalah dalam bahasa Malaysia merupakan suatu kebiasaan yang penting untuk meluaskan dan memahirkan bahasa Malaysia…”. Pendapat ini menegaskan lagi bahawa membaca akhbar dapat membina kemahiran bahasa. A.F.Yassin pula mengemukakan pendapat beliau yang bertajuk “*Bila Surat khabar Datang, Ghairah Membaca Pun Hilang*” telah menekankan di sini, bahawa surat khabar sangat berpengaruh dan dipercayai rakyat (Dewan Masyarakat, Jun 1979:27)

Hasil dapatan kajian yang dikemukakan oleh keempat-empat sarjana telah menjelaskan bahawa aspek tatabahasa dalam akhbar tidak boleh diketepikan memandangkan akhbar bukan sahaja berperanan sebagai penyampaian maklumat yang utama kepada pembaca, malah juga berperanan sebagai pembantu perkembangan bahasa. Penulis akhbar terutamanya yang menulis editorial perlu mematuhi hukum tatabahasa demi perkembangan bahasa.

5.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dijalankan ini terbatas kepada penentuan penggunaan ayat majmuk dalam editorial *Sin Chew Daily*. Kajian lanjutan seperti berikut boleh dijalankan pada masa kelak:

- a. Kajian terhadap penggunaan kata hubung. Kajian secara lebih mendalam tentang kata hubung adalah penting kerana kata hubung memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ayat majmuk. Kata hubung boleh menonjolkan hubungan logik antara klausa-klausa dengan jelas. Ahli tatabahasa bahasa Cina, Mazhen 马 真 (Shiyong Hanyu Yufa Jiaocheng, 1997:138) telah menegaskan bahawa penggunaan kata hubung yang betul dan bersesuaian boleh mengukuhkan isi penyampaian sesuatu ayat. Pada pendapat pengkaji, bentuk ayat sebegini amat diperlukan dalam penulisan akhbar kerana editorial diibaratkan sebagai hasil penulisan yang amat penting dalam akhbar.

- b. Kajian ke atas penggunaan dan peranan tanda bacaan dalam ayat majmuk perlu dilakukan. Tanda baca memainkan peranan tertentu dalam ayat majmuk untuk membezakan jenis-jenis ayat majmuk. Ini kerana sebilangan

tanda bacaan juga dapat menggantikan penggunaan kata hubung dalam ayat majmuk.

- c. Kajian ke atas penggunaan ayat tunggal dalam editorial akhbar Cina tempatan juga dicadangkan. Selain ayat majmuk, ayat tunggal juga mencatatkan bilangan yang luas dalam teks editorial. Seterusnya, penggunaan ayat tunggal perlu dibandingkan dengan penggunaan ayat majmuk secara lebih mendalam.

5.4 Rumusan

Kajian ini berjaya memberikan satu gambaran yang jelas mengenai penggunaan ayat majmuk dalam editorial akhbar *Sin Chew Daily*. Namun, kajian tentang penggunaan ayat majmuk sebenarnya merupakan satu kajian yang mencabar kerana kepelbagaiannya bentuk dan struktur binaannya yang agak kompleks serta rumit. Penelitian yang mendalam diperlukan bagi memastikan kajian ini dapat mencapai tujuan kajian. Walaupun terdapat batasan dalam kajian ini, tetapi kajian ini juga memberikan sumbangan yang tertentu. Kajian ini bukan sahaja dapat memberi bantuan kepada penulis-penulis editorial dalam penggunaan ayat majmuk dan meneliti kesilapan bahasa yang wujud dalam ayat majmuk editorial, tetapi juga akan memberikan bantuan kepada pendidik-pendidik bahasa semasa menjalankan proses pengajaran jenis-jenis ayat majmuk bahasa Cina di dalam kelas. Ini memberikan satu maklumat yang amat berguna kepada para penulis editorial, guru-guru bahasa Cina dan pembaca supaya memberikan tumpuan kepada pengetahuan tentang ayat majmuk bahasa Cina. Pengkaji berharap melalui keputusan kajian ini, prestasi penggunaan ayat majmuk bahasa Cina dalam editorial dapat ditingkatkan malah secara langsung dapat meningkatkan penguasaan penggunaan tatabahasa pelajar dalam ayat majmuk.